

D.R. 18/94

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1994) 1994. Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus empat puluh sembilan juta lima ratus lima puluh ribu sembilan ratus lima puluh ringgit (RM249,550,950) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1994, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1994 dan Akta Perbekalan Tambahan (1993 dan 1994) 1994. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1994.
Akta A870.
Akta A884

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(Seksyen 2)

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Peruntukan kepada maksud RM</i>
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	900,000
B. 14	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	55,200,000
B. 17	Kementerian Belia dan Sukan	3,099,900
B. 36	Polis Diraja Malaysia	49,600,000
B. 42	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	255,250
B. 44	Kementerian Penerangan	13,332,200
B. 49	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos	123,163,600
B. 53	Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi	4,000,000
	Jumlah ...	<u>249,550,950</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1994 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1994 dan Akta Perbekalan Tambahan (1993 dan 1994) 1994.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1842.]